



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.2/2000**  
**BANTUAN KEWANGAN KEPADA MAJIKAN INDUSTRI**  
**PENDIDIKAN TINGGI SWASTA.**

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Pekeliling Majikan ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai perkara berikut:

- a. Majikan Intituti Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih tenaga pengajar mereka sehingga peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah kecuali ijazah pertama; dan
- b. Majikan IPTS layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95% apabila melatih tenaga pengajar mereka dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sains komputer.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah diperluaskan meliputi majikan daripada industri IPTS berkuatkuasa mulai 31 Januari 2000. Perluasan Skim KWPSM ini ke industri berkenaan adalah sebagai menyokong usaha dan hasrat kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.
- 2.2 Menteri Kewangan Pertama semasa membentangkan Belanjawan 2000 telah menyarankan supaya majikan industri ini perlu diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Mereka yang terlibat akan mendapat faedah bantuan kewangan pada kadar 95% daripada kos latihan yang dibenarkan sekiranya melatih tenaga pengajar dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sains komputer.

**3. LATIHAN DI PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH**

- 3.1 Majikan IPTS perlu meningkatkan pengetahuan tenaga pengajar/pensyarah sehingga peringkat ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah bagi menjamin program-program latihan dan pendidikan yang ditawarkan oleh mereka adalah bermutu dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Untuk itu, pendidikan di peringkat ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah adalah sangat diperlukan oleh majikan di industri ini dan dengan itu, MPSM telah memutuskan bahawa majikan IPTS adalah layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih tenaga pengajar/pensyarah di peringkat tersebut kecuali ijazah pertama. Latihan di peringkat ijazah pertama tidak layak mendapat bantuan kewangan kerana kelayakan asas untuk menjadi pengajar/pensyarah adalah ijazah pertama.
- 3.2 Bagi pekerja bukan akademik, majikan tiada mempunyai keperluan untuk melatih semula pekerja mereka sehingga ke peringkat Doktor Falsafah. Dengan itu, latihan dikalangan bukan akademik, majikan IPTS hanya layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih semula pekerja di peringkat diploma sahaja iaitu sama seperti yang dinikmati oleh majikan lain daripada industri yang telah diliputi oleh KWPSM sebelum ini. (Program diploma yang layak mendapat bantuan kewangan adalah program yang telah diluluskan di bawah Skim PROLUS (Program Latihan Yang Diluluskan) yang mana boleh ditambah dari masa ke semasa bagi menampung keperluan majikan IPTS).
- 3.3 Adalah dimaklumkan hanya majikan IPTS sahaja yang layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih pengajar/pensyarah diperingkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Majikan dari kalangan Penyedia Latihan dan lain-lain majikan tidak layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih pekerja di peringkat berkenaan kerana tiada keperluan bagi mereka untuk melatih semula pekerja hingga ke peringkat Doktor Falsafah.

**4. KADAR BANTUAN KEWANGAN**

4.1 Majikan-majikan IPTS layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95% sekiranya melatih pengajar/pensyarah mereka dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sains komputer. Walau bagaimanapun bagi bidang-bidang kemahiran yang lain, kadar bantuan kewangan sedia ada digunakan sepenuhnya iaitu 80% bagi latihan dalam bidang teknikal/komputer/keraf, 75% bagi bidang kemahiran yang berkaitan dengan kualiti & produktiviti, penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran dan 50% bagi latihan luar negeri.

## **5. PENUTUP**

5.1 Adalah dimaklumkan bahawa majikan-majikan IPTS layak mendapat bantuan kewangan apabila melatih semula tenaga pengajar/pensyarah mereka di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah kecuali di peringkat ijazah pertama. Mereka juga layak mendapat bantuan kewangan pada kadar 95% dari kos latihan yang dibenarkan jika melatih pengajar/pensyarah mereka dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan sains komputer. Bagi bidang latihan selain daripada bidang kejuruteraan, perubatan dan sains komputer dan latihan di luar negeri, kadar bantuan kewangan adalah sama seperti yang terpakai sekarang.

Sekian, terima kasih.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menurut perintah

**(RUSNAN BIN SAMAT)**

Pengajar Bahagian Geran Latihan  
B/p Ketua Pengarah  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia